



14,306 jemaah haji tahun ini

Ekhwan Haque Fazlul Haque

ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 14,306 bakal jemaah haji akan menunaikan Rukun Islam kelima itu, tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Idris Ahmad berkata, jumlah itu diumumkan kerajaan Arab Saudi terpakai semua negara.

Menurutnya, Tabung Haji (TH) akan mengeluarkan surat tawaran kepada bakal jemaah haji dalam tempoh terdekat.

"Bagi pihak kerajaan Malaysia, saya menzahirkan syukur kepada Allah SWT dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Arab Saudi atas kuota yang diberikan kepada Malaysia.

"Alhamdulillah, selepas dua tahun tidak dapat menunaikan haji di Makkah dan berita baik sempena Ramadan ini," katanya dalam sidang media secara maya, hari ini.

Idris berkata, kuota yang diterima ini 45 peratus lebih rendah berbanding 31,600 jemaah sebelum Covid-19 melanda dunia pada 2020.

Katanya, kuota yang diberikan kerajaan Arab Saudi ini juga sudah mengambil kira penilaian dan penelitian bagi memastikan kesihatan serta keselamatan jemaah terjamin.

"TH juga akan meneruskan bantuan haji kepada bakal jemaah dan jumlahnya akan diumumkan pengurusan TH esok.

"Saya juga sudah dimaklumkan TH segala persiapan sudah dilakukan dan hanya menanti jumlah kuota rasmi dari kerajaan Arab Saudi," katanya.

Mengulas mengenai bakal jemaah, Idris berkata, mereka yang terpilih perlu bersedia dari segi ilmu, kesihatan, rohani, jasmani serta kewangan.

Katanya, kerajaan Arab Saudi menetapkan bakal jemaah berusia bawah 65 tahun, tiada penyakit kronik, lengkap vaksinasi dan negatif ujian calitan 72 jam sebelum berlepas dibenarkan menunaikan haji.

"Bakal jemaah juga perlu melengkapkan surat tawaran dan dokumen seperti pasport bagi memudahkan urusan ke tanah suci.

"TH juga akan membuat pengumuman dari masa ke masa kepada bakal jemaah haji," katanya.

Disiarkan pada: April 21, 2022 @ 3:04pm